

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP  
PENGERUSI ASEAN COOPERATIVE  
ALLIANCE (ACO)**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
KEJOHANAN PETANQ ANGKASA NEGERI**

# **PAHANG III (BARAT) 2023**

**30 SEPTEMBER 2023 / 5.00 PETANG  
SMK SERI BENTONG, KARAK, PAHANG**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum W.B.T., Salam  
Sejahtera,  
Salam Perpaduan dan Salam koperasi,

Salutasi oleh penganjur

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

1. Alhamdulillah setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat ALLAH Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia dan izinNya kita semua pada petang ini berkumpul di dalam Kejohanan Petanque ANGKASA

## Peringkat Kebangsaan Negeri Pahang (Barat III) 2023.

2. Ucapan penghargaan tanda terima kasih dipanjangkan kepada barisan tetamu dan peserta yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada petang

ini Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat kami.

3. Setinggi – tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak jawatankuasa kejohanan petanque kerana telah berjaya mengumpulkan para pemain yang cukup berbakat dalam satu gelanggang dan bertungkus lumus dalam menjayakan

kejohanan ini.

## **Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

4. Kejohanan petanque adalah program kesukanan yang terbesar bagi sektor koperasi dan sentiasa dinantikan

kemeriahannya oleh setiap warga

koperasi seluruh negara.. Untuk makluman, sukan petanque mempunyai kejohanan di peringkat dunia dan tersenarai salah satu permainan di pertandingan di sukan SEA sejak 2001 lagi.

5. Kejohanan ini bukan sahaja menarik minat warga koperasi bersukan malah saya menyakini dapat mencungkil bakat-bakat baru yang dapat

diserapkan sebagai pelapis atlit di peringkat negara.

6. Seperti yang kita sedia maklum sukan bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah dapat membina

kekuatan mental seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan



membina semangat berpasukan. Ini antara perkara yang amat penting untuk diterapkan dalam pengurusan koperasi dalam memastikan perniagaannya terus berdaya maju dalam mendepani cabaran ekonomi semasa.

7. Kita juga dapat melihat bagaimana kekuatan mental dapat mempengaruhi prestasi dalam permainan, sementara fizikal tetap

menjadi faktor penting. Semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan peserta juga membantu dalam membentuk pemikiran yang terbuka dan kemampuan beradaptasi dalam

pelbagai situasi.

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

8. Alhamdulillah, penyertaan kejohanan petanque yang dianjurkan setiap kali amat menggalakkan. Pada hari ini 54 buah pasukan berentap dengan pecahan 12 pasukan dewasa lelaki, 16 pasukan dewasa wanita, 14 pasukan sekolah lelaki dan 12 pasukan sekolah perempuan.
  
9. Kejohanan ini juga mampu untuk

memupuk semangat perpaduan antara kaum melalui aktiviti sukan. Ini akan melahirkan generasi yang berdaya saing dan mampu bekerja

melangkau batas kaum, agama dan bangsa dalam mencapai matlamat sosiekonomi secara bersama. Kebersamaan merupakan nadi kepada

kejayaan sektor koperasi yang telah bertahan lebih 100 tahun di Malaysia.

10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada kesemua pasukan yang telah bertanding hari ini. Menang kalah sudah pastinya adat sesuatu pertandingan. Kepada pasukan yang menang dalam kejohanan hari ini, sekalung ucapan tahniah saya

rakamkan. Manakala kepada pasukan yang kurang bernasib baik jangan berputus asa dan mencuba lagi pada

tahun mendatang. Sesungguhnya kemenangan dan kekalahan hari ini harus menjadi pendorong untuk kejayaan pada masa hadapan.

11. Apa yang penting anda semua telah menunjukkan semangat kesukanan tanpa putus asa dan sudah saya yakin semangat inilah yang anda semua bawa dalam memastikan koperasi anda berjaya dalam memberi manfaat kepada anggotanya. Semoga pertandingan ini juga merapatkan ukhwah kita semua sesama warga koperasi.

12. Dengan lafaz bismillahirrahmani rahim,  
saya merasmikan Majlis Penutup

Kejohanan Petanque ANGKASA Negeri  
Pahang (Barat III) tahun 2023.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.



